

21 NOV 2000

Mahathir-Lunas

DAP TERJERAT DENGAN HELAH PAS DAN KEADILAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- DAP sebenarnya terjerat dengan helah PAS dan Parti Keadilan Nasional sehingga terpaksa menarik diri daripada bertanding dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berpendapat masa depan DAP juga gelap kerana telah diperdaya oleh kedua-dua parti itu.

Keadilan menjadi pemangkin dan yang untung sekali PAS kerana Keadilan sendiri tidak akan dapat menambah bilangan kerusi daripada dua yang mereka miliki sekarang di Dewan Undangan Negeri yang mempunyai 50 kerusi.

"Yang mendapat paling banyak mendapat keuntungan ialah PAS," katanya kepada pemberita selepas sesi terakhir majlis dialog pemimpin di Dialog Antarabangsa Langkawi di sini, petang ini.

Masing-masing PAS, Keadilan dan DAP mahu sesuatu kawasan itu untuk mereka sedangkan bagi DAP, parti itu tahu mereka tidak boleh menang di Lunas dan menyerahkan semua kawasan tetapi "apa yang dia dapat", tanya Dr Mahathir.

"Kali ini saya yakin Keadilan akan main isu perkauman sebab itu mereka dapat menyakinkan DAP untuk menarik diri", tambahnya.

"Tapi saya tak fikir mereka boleh menang di situ tetapi niat jahat itu memang ada untuk memecahkan orang Melayu," jelasnya.

Kawasan DUN Lunas secara tradisi adalah kubu kuat BN di Kedah. Dalam pilihanraya umum lepas, mendiang Dr Joe Fernandez menang dengan majoriti 4,700 undi.

Beliau memperolehi 9,760 undi menewaskan M.Kathiravelo yang mendapat 5,060 undi, Ibrahim Md Rashidi (Bebas) 2,158 undi dan N.Letchumanan (Bebas) 87 undi.

Penamaan calon Lunas hari ini menyaksikan pertandingan tiga penjuror dengan calon BN, S.Anthonysamy akan menentang calon Keadilan Saifuddin Nasution Ismail dan calon Bebas N.Letchumanan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yakin Barisan Nasional akan menang tetapi berpendapat majoriti mungkin berkurangan seperti pilihan raya kecil di Teluk Kemang.

"Kita mungkin melihat pengurangan seperti yang berlaku di Teluk Kemang dan walaupun calon yang bertanding adalah daripada keturunan India orang Melayu tetap sokong BN," katanya.

Dr Mahathir berharap DAP akan menerima semua ini kerana dalam pilihan raya akan datang parti itu akan mendapat bilangan kerusi yang kurang kerana kebanyakan daripada kawasan majoriti pengundi terdiri daripada orang Melayu.

"..dengan itu kawasan DAP akan berkurangan kerana di mana orang Melayu ramai, mereka tidak akan undi DAP dan yang akan untung ialah PAS, kedua Keadilan. DAP akan tinggal di belakang.", jelasnya.

DAP tidak mampu untuk menarik diri daripada pakatan pembangkang jika tidak parti itu akan hilang langsung "dia akan tinggal sorang-sorang".

Sebelum ini pakatan pembangkang dilaporkan menghadapi krisis berhubung pemilihan calon bagi pilihan raya kecil itu dan berikutan itu Naib Presiden Keadilan Tian Chua mengumumkan perletakan jawatan sebagai membantah calon pilihan pakatan pembangkang.

Dr Mahathir berpendapat Keadilan sebenarnya bukan mahu menang kerusi di situ kerana niat awal mereka ialah nak pecah orang Melayu dan bercakap pelbagai isu berkenaan orang Melayu.

Beliau mengingatkan penyokong Umno mengenai kerjasama dalam BN dan meminta mereka memberi sokongan kepada calon MIC kerana ini merupakan stail BN.

"Jangan lupa ada tempat-tempat yang pengundi India atau Cina berjaya memberi kemenangan kepada Umno dan dengan itu di tempat tertentu penyokong Umno mesti memberi sokongan kepada calon MIC. Di satu tempat kita dapat sokongan daripada kumpulan minoriti di tempat lain kita memberi sokongan," tegasnya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata tidak semestinya undi orang Melayu menjadi penentu di Lunas walaupun bilangan mereka ramai kerana sekiranya berpecah mereka mereka tidak boleh menjadi penentu.

-- BERNAMA

NH PR